

Khamis, Apr 19 2018

Pembangkang 'muka tebal'

vm 19/4

TELUK INTAN 18 April - Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan gabungan pembangkang PKR sebagai 'tidak tahu malu' dan 'muka tebal' apabila meniru kerajaan Barisan Nasional (BN) memberikan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).

Perdana Menteri berkata, mereka membuat pusingan U apabila memasukkan pemberian BR1M dalam manifesto Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) sedangkan sebelum ini bantuan tersebut dikritik hebat.

"Dulu kata BR1M tak baik, dedak, rasuah tapi alih-alih dalam manifesto mereka ada pula BR1M, selama ini kutuk BR1M. Tak malu, muka tebal.

"Kenapa dalam manifesto ada pula BR1M? Sebab BR1M membantu keluarga seperti yang saya umumkan bahawa pada Ramadan ini kita akan bayar bukan RM400 tapi RM800 untuk membuat persiapan Hari Raya Aidilfitri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Pecah Tanah Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) Teluk Intan di Jalan Changkat Jong di sini hari ini.

Yang hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry

Abd. Kadir; Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong dan Pegawai Eksekutif Perbadanan PR1MA Malaysia, Datuk Abdul Mutalib Alias.

Sementara itu, mengenai PRU-14, Najib mengajak para pengundi khususnya di Parlimen Teluk Intan memilih wakil rakyat yang dapat memberi faedah dan keuntungan kepada rakyat.

Kata beliau, jika mengikut ukuran tersebut, BN memiliki rekod yang lebih baik berbanding pembangkang.

Merujuk kepada calon gabungan pembangkang PKR yang akan bertanding di Parlimen Teluk Intan iaitu Nga Kor Ming yang juga Pengerusi DAP Perak, Najib menegaskan, karektornya berbeza dengan calon BN.

Menurutnya, Siew Keong seorang pemimpin yang merendah diri, kurang bercakap tapi banyak kerja dan sentiasa mementingkan orang Teluk Intan.

"Pembangkang banyak berkempen secara negatif sebab mereka tiada apa-apa yang boleh dipaparkan kepada rakyat sebagai sumbangan termasuk menjual cerita-cerita palsu dan tidak benar," katanya.

